

12/05/1997

Dr M sertai majlis tahlil

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad malam ini menyertai kira-kira 200 ahli Umno dalam majlis tahlil dan doa selamat sempena Ulang Tahun ke-51 Umno.

Majlis itu yang diketuai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, diadakan di surau Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir bersembahyang Maghrib berjemaah sebelum majlis tahlil dan doa selamat bermula kira-kira jam 7.35 malam.

Selepas itu, Perdana Menteri bersama-sama ahli Umno bersembahyang Isyak berjemaah. Beliau kemudian menghadiri majlis makan malam, sebelum pulang kira-kira jam 10.20 malam.

(END)